

Pandangan Dr M mengenai globalisasi dipuji

Oleh Kadir Dikoh **BH** '2 - FEB 2001

SEORANG perwakilan asing mewakili sebuah negara membangun yang menghadiri persidangan 'Perundingan Antarabangsa Mengenai Globalisasi' di ibu negara malam semalam membisik bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mungkin terus tidak popular di dunia Barat kerana pandangan kritikalnya terhadap globalisasi.

Ini kerana, katanya, Perdana Menteri kerap mengecam manifestasi globalisasi yang sememangnya kelihatan lebih menguntungkan negara maju dan kaya raya tetapi meminggirkan negara membangun yang miskin.

"Perdana Menteri anda hebat, berani dan berteles terang. Ideanya sentiasa bernas tetapi negara Barat sengaja menutup telinga mereka," katanya selepas mendengar ucapan Dr Mahathir selama kira-kira 40 minit ketika merasmikan sidang itu, di Kuala Lumpur malam kelmarin.

konsep globalisasi, apa yang kelihatan berlaku pada masa ini ialah semakin banyak tekanan dan serangan ke atas ekonomi negara lemah oleh kuasa besar.

Sudah kelihatan pembentukan perbadanan dan bank gergasi milik negara kaya. Setiap satu daripada entiti ini sekarang adalah lebih besar daripada mana-mana negara membangun.

Sebaik saja sempadan (negara) dibuka, bank gergasi ini akan masuk untuk bersaing dengan bank dan perbadanan kecil di negara membangun. Tidak hairanlah, gergasi ini akan menang. Akhirnya, bank dan perniagaan milik negara membangun ini menjadi muflis dan akan ditelan oleh syarikat gergasi asing.

Sehubungan itu, bukanlah sesuatu yang menghairankan apabila Dr Mahathir mengecam mekanisme globalisasi pada forum antarabangsa dan suaranya semakin. Pendapatnya

dibenar mengeksportnya ke negara yang mengalami kekurangan tenaga pekerja serta menghadapi kos buruh yang tinggi.

Dengan cara ini, produktiviti dunia sudah tentu akan bertambah baik dan sememangnya ia baik untuk globalisasi.

"Saya berpendapat, kita tidak mungkin dapat melakukan semua ini semasa seumur hidup kita. Tetapi kita harus bermula dan kita harus bermula dengan memikirkan mengenainya, memikirkan mengenai globalisasi seperti perkongsian kekayaan dunia dalam konteks bahan mentah, modal, buruh, dan teknologi.

"Inilah globalisasi yang memberi manfaat kepada manusia. Globalisasi harus memberi kebaikan kepada kita dan bukan kita manusia memenuhi kehendak globalisasi," kata Dr Mahathir.

Apapun diperkatakan mengenai globalisasi, mereka yang sudah ber-

Dr Mahathir dalam ucapan itu antara lain menyatakan bahawa globalisasi harus membabitkan seluruh dunia tetapi apabila orang bercakap mengenai globalisasi, mereka cuma memikirkan hanya negara yang mempunyai pasaran sudah maju atau pasaran membangun.

"Kita memikirkan untuk membuka pasaran sekarang. Kita memikirkan untuk memaksimumkan keuntungan kita. Tetapi kita tidak benar-benar memikirkan mengenai dunia, mengenai dunia yang meliputi kawasan biasa dan tidak biasa serta tidak boleh dimasuki.

"Globalisasi harus dirancang dan dirancang dengan teliti. Perancangannya harus membabitkan semua orang dari setiap pelosok dunia.

"Ia harus membawa kebaikan kepada setiap orang dan ia harus terbukti memberi manfaat kepada semua. Ia harus dilaksanakan dengan perlahan dengan usaha terbesar tertumpu kepada kawasan yang kurang membangun di dunia," katanya yang diberi tepukan gemuruh oleh kira-kira 100 peserta mewakili 18 negara.

Namun, agak sedih ialah dalam proses penerimaan

kini semakin diterima ramai selepas krisis kewangan ekonomi serantau pada 1997, lebih-lebih lagi apabila ringgit diserang oleh penyanggak mata wang termasuk George Soros.

Sebab itulah beliau menekankan bahawa globalisasi harus memberi manfaat kepada manusia dan bukan sebaliknya. Malah, globalisasi perlu diawasi dan dirancang dengan teliti supaya ia memanfaatkan semua manusia dari setiap pelusuk dunia.

Apakah dinamakan globalisasi jika konsepnya mengeksploitasi golongan miskin dan penipuan oleh golongan kaya dan pintar. Golongan tamak ini harus dihukum oleh masyarakat antarabangsa.

Malaysia sejak awal lagi menyarankan harus ada pergerakan bebas modal dan buruh tetapi tidak sehingga menjejaskan negara terbabit dan pada masa yang sama, produktiviti dunia harus ditingkatkan dan ketidakadilan dalam semua bentuk, harus diminimumkan.

Dr Mahathir mencadangkan pengaliran bebas modal manusia dibenarkan di bawah globalisasi dengan negara yang mempunyai lebih pekerja harus

sedia, mereka yang kaya harus berubah dahulu manakala yang lain boleh menyusul mengikut kemampuan mereka, mempelajari daripada mereka yang sudah berubah sebelumnya, menyesuaikan dan memperkukuhkan.

Kita tahu dunia sekarang amat kaya kerana kombinasi sumber asli dan teknologi yang dimajukan oleh manusia, dan tiada sebab dalam 'dunia yang penyang' ini ada orang harus miskin.

Afrika, Asia Tengah, Amerika Selatan dan Pasifik Selatan dengan mudah boleh menjadi kaya dengan melabur lebih modal dalam usaha pembangunan dan produktiviti.

Jika dunia hendak bersifat global, maka tidak harus ada kemiskinan di sesetengah kawasan dan kekayaan yang keterlaluan di kawasan lain. Semuanya harus berjalan baik. Modal bersama teknologi moden mempunyai keupayaan untuk memperkayakan seluruh dunia.

Globalisasi yang hanya membabitkan sebilangan kecil dunia bukan globalisasi sebenar yang turut membawa aliran kemasukan modal oleh kuasa besar bagi menyerang ekonomi negara lemah.